

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju dan rancangan masa hadapan bagi semua Institut Pendidikan Guru (IPG) di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jawatankuasa khas akan dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meneliti hala tuju dan perancangan masa hadapan Institut Pendidikan Guru (IPG). Sehingga kini, kesemua 27 IPG di seluruh negara adalah dikekalkan bagi melaksanakan fungsi latihan perguruan serta latihan pembangunan profesionalisme guru dalam perkhidmatan.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 telah memutuskan bahawa sembilan IPG ditukar fungsi kepada Kolej Vokasional, Politeknik dan Pusat Jurulatih TVET. Walau bagaimanapun, sehingga kini sembilan IPG tersebut dipersetujui agar wujud bersama (*co-exist*) dengan Kolej Vokasional dan Politeknik. Manakala IPG Raja Melewar pula wujud bersama (*co-exist*) Kolej GENIUS pintar UKM. Hasrat KPM juga untuk mengekalkan keadaan status quo 10 IPG tersebut sebagai '*co-exist*' dengan institusi TVET dan GENIUS.

Sekian, terima kasih.